

18 Ogos 2009

## **Kepelbagaian dan Keimanan Membentuk Identiti Orang Islam Amerika yang Masih Berkembang**

### **Masyarakat Islam Amerika "hidup subur dalam demokrasi"**



Salam Al-Marayati ialah pengarah eksekutif Majlis Hal Ehwal Awam Orang Islam

Oleh Howard Cincotta

Koresponden Khas

Washington — Dua sifat menghubungkan individu seperti profesor Zareena Grewal dari Universiti Yale, penulis dan pemblog Wajahat Ali, ahli Kongres André Carson, pereka fesyen Nyla Hashmi, pelatih tinju Victor Perez, dan artis Dalah Faytrouni dari California.

Mereka adalah orang Islam dan rakyat Amerika – dan membentuk sebahagian daripada masyarakat, yang pada umumnya, mencerminkan kepelbagaian Amerika Syarikat sendiri.

Orang Islam di Amerika Syarikat datang dari 80 negara berlainan dan selalunya lebih muda, lebih berpelajaran dan lebih berkemahiran tinggi atau berkerjaya profesional daripada rakyat umum, kata Zahid Bukhari dari Pusat bagi Persefahaman Islam-Kristian di Universiti Georgetown.

Selain identiti etnik mereka yang beraneka ragam, mereka juga bermazhab Sunni dan Syiah – yang mempunyai pandangan ortodoks dan sekular. Mereka terdiri daripada imigran serta generasi baru yang lahir di Amerika Syarikat, menurut tinjauan tahun 2007 oleh Pusat Penyelidikan Pew.

"Kami satu-satunya negara di dunia yang mempunyai wakil daripada masyarakat Islam sejagat," kata Daisy Khan, pengarah eksekutif Persatuan Amerika bagi Kemajuan Orang Islam. "Kamu boleh katakan kami haji kecil – dan satu peluang untuk menjadi masyarakat model bagi semua."

## KEPELBAGAIAN DAN DEMOKRASI

Berhadapan dengan latar belakang yang beraneka ragam, adakah boleh bercakap tentang identiti khusus bagi orang Islam Amerika? Bagi ramai orang, jawapannya ya – walaupun makna tepat identiti ini masih berkembang.

“Orang Islam Amerika ditakrifkan dengan kata-kata ‘rumah bukan tempat di mana moyang kami dilahirkan tetapi di mana cucu kamu akan tinggal,’” kata Salam Al-Marayati, pengarah eksekutif Majlis Hal Ehwal Awam Orang Islam.

Khan tidak melihat pertembungan di antara nilai dasar Islam dan tuntutan demokrasi Amerika. “Malah Islam menuntut pendekatan ini bagi mendamaikan nilai-nilai ini,” katanya.

Beliau melihat proses ketara sedang berlaku sebagaimana agama di “Amerika” kan. Dalam sejarah, apa yang dulunya negara bermajoriti Kristian Protestan kini menerima kepercayaan Katolik dan Yahudi dengan apa yang dipanggil sebagai “etika Judeo-Kristian.”

Pandangan ini sedang berkembang kepada “etnik Ibrahim” baru yang terdiri daripada tiga agama yang percaya kepada Tuhan yang satu iaitu Kristian, Yahudi dan Islam, mengikut kata Khan. “Lama kelamaan, dengan penerimaan orang Islam ke dalam etnik Ibrahim, mereka akan dilihat sebagai satu bahagian yang asli di dalam satu pengalaman Amerika,” katanya.

## DIALOG DAN KOMUNITI

Ingrid Mattson, pemeluk Islam kelahiran Kanada dan sekarang mengetuai Persatuan Islam Amerika Utara, memandangkan tugasnya lebih kepada menjalinkan perhubungan dan mendamaikan perbezaan dengan cara yang tidak sahaja mengurangkan konflik tetapi membawa kepada pertumbuhan positif dan pemahaman bagi masyarakat Amerika yang lebih besar.

“Kami mewakili identiti orang Islam yang subur dalam demokrasi,” katanya dalam satu temu ramah dengan program Radio Awam Amerika *Speaking of Faith* baru-baru ini.

Mattson menyatakan bahawa banyak kerajaan Eropah sekarang melihat kepada orang Islam Amerika sebagai satu jenis masyarakat contoh.

“Mereka [yang mengkritik orang Islam Amerika] perlu mengakui kelemahan dalam pendekatan yang berkonfrontasi, yang bertentangan, dan yang tidak sabar dalam membina kesepakatan serta mengakui hak pihak lain,” kata Mattson.



Daisy Khan tidak melihat pertembungan di antara nilai dasar Islam dan tuntutan demokrasi Amerika.

Satu tinjauan terkini tentang “keadaan hubungan kepercayaan agama” di sembilan negara di Amerika Utara dan Eropah nampak seperti mengesahkan pandangan Mattson. Kumpulan agama Amerika dan Kanada dikelaskan lebih berkemungkinan berintegrasi di dalam masyarakat mereka berbanding di Eropah, mengikut organisasi Gallup Poll A.S dan Yayasan Coexist yang berpangkalan di Britain.

Orang Islam Amerika mungkin mengikut corak integrasi klasik kumpulan minoriti lain di Amerika Syarikat, tetapi mereka juga menghadapi kesan unik serangan 11 September 2001, kata John Esposito, pengarah Pusat bagi Persefahaman Islam-Kristian.

“Bagi kebanyakan orang Islam, terdapat cabaran tambahan dari mereka yang tidak dapat membezakan di antara Islam dan sejumlah kecil pelampau di dunia,” katanya.

Jawapannya ialah memperkasakan suara arus perdana dan dekat dengan masyarakat, mengikut kata Marayati. “Pada pendapat saya, ini bermakna bekerja bersama bagi pembaharuan asli yang tidak lari dari Islam – pembaharuan berasaskan Quran – bukan hadith lemah yang kerap dilaungkan dan digunakan oleh pelampau.”

Bagi Reza Aslan, penulis buku *No god But God*, pertumbuhan dalam pendidikan dan komunikasi sejagat memberi peluang yang tidak ada pada masa dulu.

“Semuanya bergantung kepada kami yang mengamalkan dan menganjurkan Islam yang pluralistik, terbuka kepada pembaharuan, dan lebih terbuka untuk menyuarakannya di luar sana dan memastikan kita sebahagian daripada perbincangan tentang makna dan mesej Islam,” kata Reza dalam temu ramah dengan [altmuslim.com](http://altmuslim.com).

## ORANG ISLAM DAN AMERIKA

Dalam kerja kaunselingnya, Khan melihat proses di mana orang mendamaikan identiti Islam dan Amerika mereka. “Tidak cukup mengatakan kamu secara tak sengaja berada di sini dan menjadi rakyat Amerika,” dia berkata. “Kamu perlu menempa identiti baru.”

Langkah kritikal adalah mengenal pasti perbezaan di antara amalan budaya dan nilai teras Islam, kata Khan. Dia kerap menekankan

perbezaan ini dalam kerja kaunseling dengan muda-mudi tentang apa yang mungkin amalan tradisi di negara kelahiran ibu bapa mereka – dan apa yang “dibenarkan atau tidak dibenarkan” dalam Islam.

Generasi pertama orang Islam Amerika – sama seperti dalam corak klasik imigran awal – selalu memilih untuk hidup dan beribadat dalam etnik dan komuniti keagamaan mereka sendiri, seperti yang diperhatikan oleh Khan.

Tetapi apabila generasi muda dapat menyeimbangkan dua identiti sebagai rakyat dan sebagai orang Islam, mereka dapat membantu dalam membentuk satu pengalaman Amerika – juga satu proses klasik yang kumpulan minoriti lain sudah tempuhi.

“Ini berikan saya banyak harapan,” kata Khan.

## DAMPINGAN KERAJAAN

Satu lagi faktor kritikal dalam membentuk persepsi orang Islam Amerika adalah tindak balas pihak kerajaan. Agensi-agensi persekutuan, termasuk Jabatan Keselamatan Negara dan FBI, telah melaksanakan program-program untuk mendampingi masyarakat Amerika Islam.

“Di Jabatan Keadilan ini kami komited menggunakan undang-undang jenayah dan hak awam untuk melindungi orang Islam Amerika,” Peguam Negara Eric Holder mengumumkan pada bulan Jun. “Apa yang utama adalah mengembalikan penguatkuasaan hak awam yang berkesan dan usaha mendampingi masyarakat dalam mempertahankan kebebasan agama dan hak asasi rakyat kita yang lain.”

Valerie Jarrett, salah seorang penasihat rapat Presiden Obama dan ketua Pejabat Rumah Putih bagi Penglibatan Awam, bercakap di konvensyen tahunan Persatuan Islam Amerika Utara pada bulan Julai.

“Saya ingin beritahu kamu, sukar untuk mengenal pasti pemimpin perniagaan, saintis, artis, ahli sukan dan lain-lain di kalangan orang Islam Amerika,” kata Jarrett. “Bukan kerana tiada langsung tetapi kerana mereka terlalu ramai, dan mereka dikenali kerana bakat dan karektor – bukan semata-mata agama mereka. Ini sesuatu yang bagus. Ia satu gambaran mimpi Amerika, yang berakar dalam nilai-nilai yang kita kongsi – nilai bersama kemanusiaan sejagat.”

Lihat juga [Menjadi Orang Islam di Amerika](#), satu terbitan *America.gov*.

Untuk maklumat lanjut, lihat laman Web [Pusat Putera Alwaleed bagi Persefahaman Islam-Kristian di Universiti Georgetown](#), [Pusat Macdonald bagi Pengajian Islam dan Hubungan Islam dan Kristian](#), [Majlis Fiqah Amerika Utara](#) dan [Persatuan Amerika bagi Kemajuan Orang Islam](#).